

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

02 APRIL 2019

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	ADA PELAJAR MASIH BIMBANG : EXCO	2
BERITA HARIAN	ISU SUNGAI KIM KIM TUNTUT TINDAKAN BERKESAN	3



2/4/19 Sinar Harian
8688

HUBUNGI SKUAD JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN: MOHD FIRDAUS YON - 019-7906786, SARINAH MAT KASSIM - 019-6202383

Ada pelajar masih bimbang: Exco

Tidak hadir ke sekolah namun jumlahnya tidak ramai

RAZIATUL HANUM
A RAJAK@ATAN

JOHOR BAHRU

Terdapat sege-
linter pelajar
yang menjadi
mangsa pencemaran
Sungai Kim Kim di sini, masih
trauma dan enggan hadir ke se-
kolah.

Exco Pendidikan Johor, Aminolhuda Hassan berkata, namun
jumlah pelajar trauma terbahit
tidak ramai.

Menurutnya, peratusan keha-
diran pelajar ke sekolah menun-
jukkan peningkatan pada hari
kedua sesi persekolahan bermula.

"Mengikut laporan kehadiran
hari ini (semalam) mencapai 95
peratus kalau dibandingkan se-
malam (kelmarin) sekitar 90 per-
atus. Yang masih trauma ini
pelajar yang dimasukkan ke
hospital, mereka masih bimbang.

"Ibu bapa juga masih meman-
tau sekolah anak betul-betul se-
lamat dulu baru anak
hadir ke sekolah.

Berapa ramai pel-
ajar trauma belum
pasti lagi tapi tak ramai"

katanya selepas merasmikan Pro-
gram Pendekatan Jawatankuasa
Saintifik Bencana bersama Peja-
bat Pendidikan Pasir Gudang di
Sekolah Menengah Kebangsaan
Agama Johor Bahru, di sini, se-
malam.



Aminolhuda beramah mesra dengan tetamu yang hadir, semalam.

Menurutnya, ibu bapa pelajar
bagi sekolah-sekolah yang terke-
san teruk di kawasan Taman Pa-
sir Putih dan Tanjung Puteri Re-
sort turut masih bimbang.

"Sekolah yang terkesan teruk

seperti SK Taman Pasir Putih,
SMK Taman Pasir Putih, SK Tan-
jung Puteri Resort dan SMK Tan-
jung Puteri Resort di mana pelaj-
arnya dapat rawatan di hospital,
ICU (Unit Rawatan Rapi) me-

info

Mengikut laporan kehadiran
semalam mencapai 95 peratus
kalau dibandingkan kelmarin
sekitar 90 peratus: Exco

meng ibu bapa tidak mahu anak
anak terlibat lagi.

"Kehadiran sekolah yang tid-
ak terkesan pula biasanya anta-
ra 96 hingga 97 peratus," katanya.

Beliau turut mengesahkan
tiada pelajar yang menunjukkan
sintptom pencemaran selepas
dua hari persekolahan bermula.

Sebelum itu, Ketua Unit Ja-
watankuasa Saintifik Bencana
Pasir Gudang, Prof Dr Abdull
Rahim Mohd Yusoff menyampa-
ikan taklimat berhubung insi-
den pencemaran kimia di Sungai
Kim Kim.

**PENCEMARAN
SUNGAI KIM KIM**



BERITA HARIAN

Isu Sungai Kim Kim menuntut tindakan berkesan

2-4-2020 - sub
Berita Harian

Bencana pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor baru-baru ini mencatat detik hitam dalam lembaran pengurusan alam sekitar di negara.

Ini bukanlah insiden kali pertama seumpamanya berlaku sejak Malaysia mengubah sektor asas ekonominya dari negara berbasaskan pertanian kepada negara berbasaskan perindustrian pada 1984.

Negara amat pesat membangun dengan pelbagai inisiatif ditawarkan oleh kerajaan kepada pemain industri dan berjaya menarik berbilion ringgit pelaburan ke dalam negara. Negara sudah mengaut keuntungan besar hasil pelaburan ini, namun kelestarian alam sekitar merosot hasil pencemaran industri.

Bertindak secara serius

Bencana Sungai Kim Kim menjadi *wake-up call* kepada semua pihak yang terbabit untuk mula bertindak secara serius dan efektif supaya insiden sama tidak berulang.

Sejak insiden ini berlaku, kerajaan bertindak proaktif dengan mewujudkan pusat gerakan bencana untuk menyelaraskan kerja



Abdul Qaiyum Musa

Ahli Kimia Kesihatan Persekitaran dan Alam Sekitar di ALS Technichem (M) Sdn Bhd

pengurusan bencana.

Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia Malaysia dan Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) dikerah dalam mengenalpasti bahan pencemar dan membuat pemantauan kualiti udara di sekitar Pasir Gudang.

Tidak ketinggalan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut menggerakkan dua kumpulan iaitu Kumpulan Tinjau Kimia, Biologi, Radiologi dan Nuklear (CBRN) dan Kumpulan Nyah Cemar bagi membantu usaha pembersihan kawasan yang tercemar.

Namun, laporan perubatan didedahkan Dr Azlina Roszy, Pakar Psikologi Klinikal Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) mendapati 90 peratus

pesakit pencemaran toksik dikenal pasti menghidap hyperventilation syndrome akibat keresahan melampau dan mereka pulang tanpa perubatan.

Ini berpunca daripada berita palsu yang tersebar di media sosial serta *overreported* oleh pihak media, menambahkan lagi kegelisahan dan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Hal ini memerlukan satu isyarat jelas bagi kita untuk menilai semula Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan bencana.

Teliti dedah maklumat

Aspek penting lain yang perlu diambil kira ialah dari segi koordinasi sumber berita yang dilaporkan oleh pihak berkuasa. Kita telah melihat pelbagai kenyataan dikeluarkan oleh agensi-agensi yang terbabit dan kadangkala wujud percanggahan.

Pengumuman mengenai bahan pencemar yang dikesan perlulah dilakukan dengan teliti. Ketika bencana, penggunaan alat pengesan gas beracun boleh digunakan di lapangan dan perlu juga disahkan melalui keputusan analisis makmal supaya laporan yang ingin diumumkan kepada rakyat

diyakini kredibilitinya.

Hakikatnya, negara kita masih belum ada SOP yang lengkap dalam menghadapi pencemaran kimia, biologi dan radiologi.

Maka, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) harus bangkit dan mula menggubal SOP bagi menghadapi bencana pencemaran kimia seperti ini. NADMA perlu menubuhkan majlis penasihat bagi menasihati kerajaan mengenai pengurusan kesan kimia, biologi dan radiologi.

Dengan mengambil konsep serupa seperti diamalkan di Amerika Syarikat, majlis ini akan menyediakan pelan tindakan pengurusan bencana yang komprehensif meliputi aspek pengenalpastian bahan pencemar, persampelan dan ujian makmal serta pemantauan kualiti alam sekitar berterusan.

Juga perlu ialah pengawasan perubatan kepada mangsa yang terdedah kepada pencemaran melalui pengawasan biologiikal, penyahcemaran, pembersihan serta pengurusan sisa bahan pencemar.

Buat masa ini, kita lebih tertumpu kepada pengurusan bencana seperti banjir dan jerebu.

Anggaph bencana Sungai Kim Kim ini sebagai percubaan dalam menyelaraskan latihan amal pengurusan bencana akibat pencemaran kimia. Saya juga kagum dengan pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang berusaha keras dalam menangani bencana ini.

Lindungi alam sekitar

Pengumuman tegas oleh menteri untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 disambut baik oleh semua. Sumbngsaran oleh pemegang taruh dan pakar akademik amat ditagih dalam menggubal akta baharu ini supaya ia menjadi senjata dan perisai yang kuat untuk kita membela nasib alam sekitar kita.

Harus diingat, undang-undang sahaja tidak mampu untuk mencegah daripada insiden ini berulang. Jabatan Alam Sekitar harus meniadap-siapakan pegawainya untuk membuat pemantauan yang kerap serta bertindak terhadap laporan pencemaran serta melakukan pemeriksaan susulan.

Semoga bencana ini menjadi iktibar untuk kita semua.

